

# Duti import rokok, naik 20 peratus, arak 10 peratus

UM 13 SEP 2003

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Duti import dan eksais ke atas rokok dan lain-lain keluaran tembakau dinaikkan sebanyak 20 peratus dan duti ke atas minuman keras ditingkatkan 10 peratus.

Kenaikan ini menjadikan harga produk keluaran tembakau meningkat daripada RM216 sekilogram kepada RM259 sekilogram.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, peningkatan berkenaan bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan rakyat.

“Peningkatan duti ke atas rokok juga adalah selaras dengan cadangan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk mengawal penggunaan rokok,” jelas beliau yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat hari ini.

Tambah Perdana Menteri, kerajaan sedang melaksanakan penggunaan pelekat khas atau banderol serta dakwat keselamatan bagi memastikan rokok yang dijual bukan rokok seludup.

“Banderol dan dakwat keselamatan juga akan turut digunakan ke atas minuman keras,” kata Dr. Mahathir lagi.

Menurut beliau, kerajaan menyediakan RM20 juta bagi pelaksanaan Pusat Kawalan Penyakit yang diumumkan di dalam Pakej Strategi Baru.

“Walaupun wabak berkenaan telah berakhir, kita mesti terus berwaspada dan sentiasa bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan,” kata Dr. Mahathir lagi.

Tambah beliau, bagi menjamin perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang berkualiti kepada semua rakyat, kerajaan memperuntukkan RM9 bilion iaitu peningkatan sebanyak 20.5 peratus daripada peruntukan 2003.

“Daripada jumlah itu, RM6.4 bilion adalah untuk perbelanjaan mengurus dan RM2.6 bilion adalah untuk perbelanjaan pembangunan,” katanya lagi.

Tambah Dr. Mahathir, peruntukan ini akan disalurkan bagi membiayai perkhidmatan rawatan perubatan yang penting seperti unit dialisis, unit rawatan insentif serta program untuk mengurangkan morbiditi dan morbiditi di kalangan kanak-kanak.

“Bagi meningkatkan aktiviti pengesanan dan pengawasan serta diagnos penyakit berjangkit seperti SARS, tuberculosis, kusta dan denggi, kerajaan memperuntukkan RM3 juta,” katanya lagi.

Menyedari persekitaran yang bersih adalah penting di dalam usaha mencegah wabak penyakit berjangkit seperti SARS, kerajaan bercadang mendirikan loji pembakaran sampah yang termoden dan selamat, tambah Dr. Mahathir.

“Loji ini akan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1.5 bilion dan ia adalah lebih baik daripada kebanyakan loji pembakaran sampah di negara maju,” jelas beliau.

Dalam memastikan alam sekitar terus bersih, kata beliau, peruntukan sebanyak RM1.9 bilion disediakan di bawah beberapa kementerian dan agensi.

“Dari jumlah tersebut RM680 juta disediakan bagi program tebatan banjir terutamanya untuk mengatasi masalah banjir kilat yang sering melanda Bandaraya Kuala Lumpur,” kata Dr. Mahathir lagi.

Di samping itu, kata beliau, RM462 juta disediakan untuk pengurusan sisa pepejal manakala RM422 juta diperuntukkan untuk projek pembentungan.